



**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**Ahad, 11 Jun 2023**

## Ladang Lembu Ternakan Jamal Abdillah dapat perhatian JPV

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Kosmo	-	Online

### Ladang lembu ternakan Jamal Abdillah dapat perhatian JPV

- Oleh AMREE AHMAD
- 11 Jun 2023, 1:52 pm



Jamal Abdillah (tengah) memberi taklimat mengenai ladang ternakan lembu yang diusahakannya lebih sebulan lalu di Kerian, Perak semalam. - FOTO IHSAN JPV

PUTRAJAYA- Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) memuji usaha dilakukan penyanyi Datuk Jamal Abdillah yang menternak lembu secara komersial di Perak.

Menerusi hantaran dalam laman sosial rasminya, agensi itu turut memaparkan beberapa foto eksklusif suasana premis yang diusahakan Raja Pop itu di Kerian.

“Inisiatif beliau demi menyahut seruan kerajaan memastikan keterjaminan makanan negara selain ditambah minat yang mendalam dalam bidang pertanian,” katanya.

Semalam, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Lokman Hakim Ali meluangkan masa melawat ladang itu yang dibuka lebih sebulan lalu.

Mengulas lanjut JPV berkata, Jamal atau nama sebenarnya, Jamal Ubaidillah Mohd. Ali, 64, sebelum ini aktif dalam bisnes penternakan ikan arowana di Bukit Merah sejak 2009.

“Malah beliau melahirkan impian tinggi untuk mengembangkan lagi penternakan tersebut.

## Kerajaan jamin bekalan lembu korban cukup

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Sinar Harian	Nasional	Online

### Kerajaan jamin bekalan lembu korban cukup

oleh HAZELEN LIANA KAMARUDIN 11 Jun 2023 12:02pm



Mohamad (kiri) mengadakan lawatan dan tinjauan di Pusat Transformasi Luar Bandar (TRC) Tunjong, Kota Bharu pada Ahad.

**KOTA BHARU** - Kerajaan memberi jaminan bekalan lembu untuk sambutan Aidiladha mencukupi pada tahun ini.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, ia sekali gus membolehkan umat Islam melaksanakan ibadah korban sebagaimana yang dituntut oleh agama.

"Setakat ini bekalan lembu berada dalam keadaan cukup, hasil tinjauan yang dilakukan oleh pihak kementerian," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan dan tinjauan di Pusat Transformasi Luar Bandar (TRC) Tunjong, di sini pada Ahad.

Menurut beliau, ketika ini kebanyakan ternakan adalah dari luar iaitu Myanmar dan Thailand.

Ujarnya, kebiasaan harga ternakan itu tidak menentu dan bergantung mengikut jumlah bekalan.

Mohamad memberitahu, sungguh pun begitu, harga ternakan masih lagi stabil dan tidak melambung tinggi. "Kos untuk bawa dari sana itu yang menjadikan harga agak tinggi dan ia disebabkan oleh kos pengangkutan serta kurantin," ujar beliau.

Ahli Parlimen Kota Raja itu berkata, kerajaan turut memberi jaminan bekalan bahan mentah lain mencukupi sepanjang perayaan Aidiladha nanti.

Tambah beliau, rakyat diingatkan supaya tidak membuat pembelian panik menjelang sambutan tersebut. Sementara itu dalam perkembangan lain, Mohamad memberitahu, kerajaan memberikan peruntukan tambahan sebanyak RM2 juta untuk menyediakan bilik sejuk beku di RTC Tunjong dalam usaha mengukuhkan bekalan makanan negara.

"Bilik sejuk itu secara tidak langsung dapat 'menyelamatkan' stok makanan apabila berlaku lambakan hasil. "Sebanyak RM200,000 turut diberikan bagi menaik taraf medan pemborongan kuih tradisional yang terdapat di sini," katanya.

**-TERIMA KASIH-**

DISEDIAKAN OLEH :

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT (UKK)  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**